

■ DENGAN iringan lagu 'Selamat Hari Lahir', Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meniup lilin di atas kek yang disediakan oleh masyarakat Ceylon tempatan di satu majlis di Kuala Lumpur, semalam.

Turut memberi tepukan ialah isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah (kanan) dan Presiden Kongres Kaum Ceylon Malaysia, Senator Tan Sri C. Sinnadurai (dua dari kiri).

Perdana Menteri, yang menyambut hari lahirnya ke-56 Ahad lalu tanpa sebarang upacara, terkejut apabila melihat kek yang tertulis 'Selamat Hari Lahir' disediakan untuk beliau.

Beliau dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah menghadiri majlis jamuan teh anjuran masyarakat Ceylon itu sempena perlantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. — Gambar Berita Harian oleh ZAHARI ZAKARIA.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia